

Lawatan PM mampu

BH 18 MAR 2002
Daripada Mahfuz Ali

MUNICH, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan tiba di sini esok sempena lawatan rasmi tiga hari ke Jerman, dijangka menghuraikan wawasan serta peluang pelaburan di Malaysia dalam usaha memikat sektor swasta negara ini.

Perkara itu akan disentuh Perdana Menteri dalam ucapamannya bertajuk *Merealisasikan Wawasan: Pendekatan Malaysia* di Forum Perniagaan Malaysia-Jerman: Peluang Perniagaan di Malaysia, di sini petang esok.

Lebih 300 wakil pelbagai sektor dari kedua-dua negara dijangka menghadiri forum itu, anjuran Institut Kepimpinan dan Strategik Asia (Asli) serta beberapa agensi, berkaitan

termasuk Mida dan Matrade.

Sesi ucapatama Perdana Menteri itu yang akan disertai dialog, dipengerusikan oleh

Presiden Dewan Perdagangan dan Industri Malaysia-Jerman (MGCC) Erdmann Vogt yang juga Pengarah Urusan Deutsche Bank Malaysia.

Pada forum itu, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz akan turut menyampaikan ucapan bertajuk *Meningkatkan Kerjasama Perdagangan dan Industri Malaysia-Jerman* manakala Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie akan menghuraikan peluang kerjasama dalam pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi

(ICT) di Malaysia.

Selain Munich, ibu negeri Bavaria di selatan Jerman, Dr Mahathir yang diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, juga akan melakukan lawatan ke Berlin, ibu negara Jerman, bermula Selasa ini.

Perdana Menteri akan bertemu Canselor Jerman Gerhard Schroder dan kedua-dua pemimpin itu dijangka membincangkan isu kepentingan bersama, termasuk hubungan dua hala, serantau dan antarabangsa.

Lawatan itu yang juga kunjungan rasmi pertama Dr Mahathir ke Jerman, bertujuan menggalakkan sektor swasta kedua-dua negara menjalin hubungan, mempromosikan produk dan perkhidmatan

Malaysia termasuk da-

pikat pelaburan Jerman

lam bidang pelancongan dan pendidikan.

Sebelum ke sini, Perdana Menteri yang baru mengakhiri lawatan ke Russia, singgah di Stuttgart dan Dusseldorf untuk lawatan peribadi.

Sempena lawatan itu, Dr Mahathir akan turut mengadakan pertemuan dengan pelajar serta masyarakat Malaysia di Jerman dan meninjau sendiri teknologi yang digunakan Jerman dalam bidang bioteknologi, ICT dan industri pengangkutan.

Perdana Menteri pernah membuat beberapa lawatan ke Jerman sebelum ini, lawatan tidak rasmi pada 1977 dan lawatan kerja pada 1988 dan 1998.

Pada masa ini, Jerman sudah mengatasi United Kingdom yang menjadi

rakan dagangan terbesar Malaysia dalam Kesatuan Eropah.

Tahun lalu, eksport Jerman ke Malaysia bernilai euro 2.5 bilion (euro 1.00 = RM3.4) manakala import euro 3.4 bilion. Eksport Jerman ke Malaysia tahun ini pula dianggarkan meningkat sehingga euro 2.7 bilion manakala import euro 3.7 bilion.

Jerman yang mempunyai kawasan seluas 357,042 kilometer per segi dengan penduduk seramai 82.4 juta penduduk, kini dikatakan mendapat perhatian negara lain di Asia.

Malah, Duta Jerman ke Malaysia, Juergen Staks, sebelum ini dilaporkan berkata Malaysia perlu meningkatkan usaha menarik pelabur Jerman terutama dalam perusahaan kecil dan sederhana, ke-

rana persaingannya bukan saja di Asia, malah negara di rantau lain seperti Eropah Timur dan Russia turut menjadi tarikan syarikat Jerman.

Bagaimanapun, Staks yakin Malaysia mampu memikat syarikat Jerman kerana mempunyai

lebih banyak kelebihan dan peluang terutama dalam bidang ICT.

Di STUTTGART, Dr Mahathir tiba di sini, hari ini dari Moscow, Russia sebelum memulakan lawatan rasmi mulai Isnin.

Ketibaan beliau dan Dr Siti Hasmah di Lapangan Terbang Antarabangsa Stuttgart dengan pesawat khas disambut Duta Besar ke Malaysia ke Jerman, Datuk Abdul Kadir Mohd Deen dan Konsul Kehormat Malaysia di sini, Dr Helmut Baur.

Lawatan Dr Mahathir ke Stuttgart, atau kota Mercedes Benz, adalah di luar rangka lawatan rasminya ke Jerman yang akan bermula di Munich Isnin ini dan diikuti dengan Berlin.

Semasa di sini, Dr Mahathir melawat kilang pengeluaran kereta Mercedes Benz milik syarikat Daimler Chrysler di Sindelfingen dekat sini.

Esok, Perdana Menteri akan ke Heidenheim juga dekat sini, untuk melawat makmal teknologi milik syarikat Voith Siemens sebelum meneruskan lawatan tidak rasmi ke Dusseldorf selama sehari.

Dr Mahathir akan berada di Jerman selama lima hari sebelum meneruskan lawatannya ke Poland, mulai 21 Mac ini.